

Pelajar IPT diminta lengkapkan diri dengan ilmu: Matbali

UB 11.11.2019 16

Oleh Kennedy Corleus

PARA pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di negeri ini diminta supaya melengkapkan diri dengan ilmu bagi memastikan mereka mampu menyumbang sesuatu kepada masyarakat suatu

hari nanti.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lumadan Matbali Musah berkata generasi muda yang ada pada hari ini bukan sahaja perlu memiliki ijazah semata-mata tetapi juga harus mempunyai keperibadian dan sahsiah

yang baik.

“Dengan adanya ilmu dan keperibadian yang baik, ianya dapat menyumbang sesuatu yang positif dalam diri masing-masing. Dan generasi baharu inilah yang akan membawa perubahan yang diharapkan nanti,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan bagi menyempurnakan Program Pembangunan Sahsiah Siswa dan Kem Motivasi Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang diadakan

di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Weston, baru-baru ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Matbali turut menyambut baik usaha UMS dalam menganjurkan program-program motivasi untuk golongan siswazah dan berharap ianya mampu

mencapai objektifnya.

Beliau yakin, dengan terlaksananya program berkenaan ianya dapat melahirkan lebih ramai modal insan yang berkualiti serta berkemampuan untuk meneraju dan memimpin negara di masa hadapan.

Tambah beliau, negara bukan sahaja memerlukan golongan profesional dan intelektual tetapi juga individu-individu yang memiliki keperibadian yang baik kerana dengan gabungan dua aspek berkenaan, negara mampu maju lebih jauh ke hadapan.



ALBUM: Matbali merakamkan gambar kenangan bersama sebahagian siswa yang terlibat dalam program itu.



CENDERNA KENANGAN: Matbali menerima cendera kenangan sempena majlis itu.